

Cerapan gerhana di UnisZA

100 warga UniZA tidak lepaskan peluang menyaksikan fenomena gerhana

NURUL HUDA HUSAIN

KUALA NERUS

Gerhana bulan penuh paling lama pada abad ini iaitu selama 1 jam 42 minit dan 57 saat yang berlaku awal pagi kelmarin digunakan sepenuhnya orang ramai pihak termasuk kira-kira 100 kakitangan dan pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA).

Universiti itu mengambil inisiatif dengan mengadakan Program Cerapan Gerhana Bulan Penuh di Masjid UnisZA di sini, bagi memberi pendedahan tentang fenomena sains kepada masyarakat.

Fenomena sama yang hanya akan berulang dalam tempoh 123 tahun lagi itu bermula pada jam 1.14 pagi dan gerhana bulan penuh




Pengunjung tidak lepaskan peluang melihat gerhana bulan dengan menggunakan teleskop yang disediakan.

bermula pada jam 3.30. Penyarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (Eseri) UniZA, Dr Roslan Umar berkata, pihaknya menyediakan tujuh

teleskop untuk kegunaan pengunjung bagi melihat fenomena tersebut dengan lebih jelas. Katanya, gerhana pada kali ini menyaksikan bulan akan berada di

kedudukan apogi iaitu jarak terjauh bulan daripada bumi dan ia dikenali masyarakat sebagai 'mimi moon'. "Fenomena ini berlaku mengikut beberapa fasa iaitu pada



Kemuncak gerhana penuh pada jam 4.21 pagi, gerhana penuh tamat pada jam 5.15 dan fenomena ini akan berakhir sepenuhnya pada jam 7.30 pagi.

- Roslan

1.14 pagi gerhana penumbra bermula, diikuti gerhana separa pada jam 2.24, manakala gerhana bulan penuh bermula pada jam 3.30 pagi.

"Kemuncak gerhana penuh pada jam 4.21 pagi, gerhana penuh tamat pada jam 5.15 pagi dan fenomena ini berakhir sepenuhnya pada jam 7.30 pagi.

"Gerhana bulan penuh berlaku apabila matahari, bumi dan bulan berada pada kedudukan sebaris dan keseluruhan bulan merentasi bayang umbra bumi," katanya.

Katanya, gerhana paling panjang direkodkan pada abad ini dijangka berulang kembali pada tahun 2141.